



JPPM/2026/08

## SIARAN MEDIA

### JPPM TERUSKAN PROGRAM SANTUNI MADANI 2026 DI KAMPUNG SKIM COCOS, KUNAK

**KUNAK, 15 Mei** – Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) meneruskan pelaksanaan Program Santuni MADANI JPPM 2026 di Kampung Skim Cocos, Kunak, Sabah sebagai komitmen berterusan jabatan dalam memperkukuh pembangunan komuniti dan kesejahteraan rakyat melalui pendekatan turun padang yang inklusif serta berimpak tinggi.

Pelaksanaan program ini diperkukuh susulan lawatan kerja rasmi Ketua Pengarah JPPM, YBhg. Dato' Mohd Zulfikar bin Ahmad ke Negeri Sabah pada 14 Mei 2026 yang merangkumi sesi kunjungan hormat kepada Pegawai Daerah Kunak, Tuan Majaran bin Osman, mesyuarat penyelarasan bersama pihak berkepentingan serta lawatan tapak ke Kampung Skim Cocos, Kunak.

Lawatan ini bertujuan menilai keperluan semasa di lapangan, menyelaraskan kerjasama strategik bersama agensi berkaitan serta memastikan pelaksanaan program dapat dilaksanakan secara lebih tersusun, berfokus dan memberi impak langsung kepada komuniti setempat.

Antara fokus utama yang dibincangkan termasuk penambahbaikan infrastruktur asas seperti pencahayaan jalan raya, penaiktarafan padang bola kampung dan kemudahan sekolah sekali gus meningkatkan tahap keselesaan dan kesejahteraan penduduk setempat.

Program Santuni MADANI JPPM yang mula dilaksanakan sejak tahun 2024 merupakan inisiatif berterusan jabatan dalam menyantuni rakyat serta memperkukuh pembangunan sosial komuniti selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA  
15 MEI 2026**

**-TAMAT-**